# 3.8.2021_Berita Harian_MOSTI_ Sistem HIDE diguna kesan lokasi berpotensu jadi kluster

## Sistem HIDE diguna kesan lokasi berpotensi jadi kluster

*Dari Muka 1*

Daripada jumlah itu, Selangor menyumbang sebanyak 6,400 kes positif baharu, diikuti Kuala Lumpur dengan 1,962 kes.

Kelmarin pula, daripada 17,150 kes harian dilaporkan, Selangor menyumbang sebanyak 6,326 kes baharu diikuti Kuala Lumpur dengan 2,086 kes.

Sementara itu, Khairy berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) masih lagi menggunakan sistem Pengesanan Lokasi Panas untuk Lihat Urus Dinamik (HIDE) bagi membolehkan kawasan berpotensi menjadi kluster dikesan pasti lebih awal.

Bagaimanapun, ketika ini, data membabitkan HIDE tidak didedahkan kepada umum berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih lagi berkuat kuasa.

"Kita masih menggunakan HIDE di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) dan KKM.

"Ia masih digunakan untuk memberi amaran mengenai kawasan yang berkemungkinan menjadi kluster," katanya.